

One South pemacu Sungai Besi

PEMAJU hartanah, Hua Yang Bhd memeterai perjanjian jualan keseluruhan rangkaian unit runcitnya di One South, Sungai Besi bernilai RM105 juta.

Ketua Eksekutifnya, Ho Wen Yan, berkata urus niaga itu membabitkan penjualan 73 ruang runcit yang dibangunkan kumpulan kepada South Crest Synergy yang menguruskan penempatan peruncit di One South.

"Kami yakin dengan kemampuan South Crest dalam pengurusan lot runcit persiaran beli-belah serta memastikan campuran penyewa yang terdiri daripada pelbagai kategori peruncit dan penyedia makanan serta minuman.

"Ini akan menjadikannya lebih menarik kepada pembeli dan membantu mencipta persekitaran lebih meriah dan menyeronokkan sejajar dengan konsepnya 'bekerja, makan dan bermain semuanya di satu tempat'," katanya menerusi kenyataan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Rekod prestasi South Crest Synergy termasuk pembelian secara pukal dan mendapatkan penyewa untuk Equine Boulevard, PJ21, Melaka Riverfront dan Melaka Empire.

One South, Sungai Besi adalah pembangunan bercampur yang memiliki nilai pembangunan



LAKARAN artis One South menunjukkan rangkaian pejabat dan kedai runcit.

kasar RM750 juta dan ia dibangunkan di atas tanah seluas 7.156 hektar.

Fasa 1 One South terdiri daripada 384 unit pejabat kedai, dengan konsep street mall yang lengkap dengan laluan pejalan kaki yang berseni taman, medan pasar dalaman yang berderet dengan pokok dan bumbung yang bertatahkan kaca untuk mewujudkan suasana santai yang sesuai untuk bekerja dan beristirahat.

Luas kawasan yang dibina

bagi pejabat dan kedai runcit adalah dari 479 hingga 2,100 kak persegi, dengan harga ditawarkan bermula dari RM350 kak persegi hingga dan RM750 kak persegi.

Ho berkata, One South berada di landasan tepat menjadi pemacu utama bagi Kumpulan Hua Yang, kerana pembangun itu mewakili sebahagian besar daripada projek yang bernilai RM1 bilion yang sedang disiajkan oleh kumpulan.

Terletak di lokasi strategik

kawasan ini juga dikenali sebagai Southern Gateway (pintu masuk selatan) Kuala Lumpur, disebabkan hubungannya yang meluas ke semua lebuhraya.

One South oleh Hua Yang diapit dengan strategik oleh dua lebuhraya utama iaitu Lebuhraya KL Seremban PLUS dan Lebuhraya BESRAYA yang menghubungkan: Lebuhraya Sungai Besi Puchong, Lebuhraya SILK, Lebuhraya LEKAS, Lebuhraya Damansara Puchong (LDP), Lebuhraya

Raya Lembah Klang Selatan (SKVE), Lebuhraya KL Putrajaya, MRR2,

Lebuhraya Shah Alam (KESAS) dan Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE).

Selain itu, Ho berkata, Hua Yang juga bersedia untuk menjadikan One South sebagai mercu tanda 'ikonik' di Sungai Besi menerusi penampilan seni reka binaan unik yang memikat perhatian, dan panel kaca bercorak di atas bumbung untuk memaksimumkan pencahayaan



PINTU masuk utama One South.



RUANG dalaman One South menampilkan seni rekaan moden.